

**THE PRACTICE OF COMMUNITY SERVICE AS A FORM OF PUNISHMENT IN THE LEGAL SYSTEM OF MALAYSIA**

**AMALAN HUKUMAN BERBENTUK KHIDMAT MASYARAKAT DALAM SISTEM PERUNDANGAN DI MALAYSIA**

Nurbazla Ismail <sup>i</sup>, Anwar Fakhri Omar <sup>ii</sup> & Md Yazid Ahmad <sup>iii</sup>

- <sup>i</sup> (Corresponding author). Pensyarah, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). nurbazla@ukm.edu.my  
<sup>ii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). anwar.fpi@ukm.edu.my  
<sup>iii</sup> Pensyarah Kanan, Pusat Kajian Syariah, Fakulti Pengajian Islam, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). yazid@ukm.edu.my

<b>Abstract</b>	<p><i>The legal system in Malaysia gives more emphasis on the concept of punishment and retaliation. However, the impact of such penalties cannot help offenders to change for the better. This concept should be reviewed to be adhered or can be modified to a better concept. Thus, this study aims to propose a concept within the Islamic legal system that emphasizes on the social impact. This concept is not only suitable to a minor offense punishable by the courts, but also as a fine to the local community. This case study collected data from related books, articles and journals. In addition, data were collected using semi-structured interviews that were carried out to the Sharia Judges in several states in Malaysia. The data were analyzed using descriptive and thematic methods. The study found that the concept of community service are suitable to be implemented in the Islamic legal system in Malaysia. This study has its implicating on the legal practitioners to make punishment more to social concept.</i></p> <p>Keywords: <i>Community, Service, Islamic, Legal, System.</i></p>
<b>Abstrak</b>	<p><i>Sistem perundangan di Malaysia lebih menekankan kepada konsep hukuman dan pembalasan. Walau bagaimanapun, kesan daripada hukuman tersebut tidak dapat membantu pesalah untuk berubah ke arah kebaikan. Konsep ini perlu dikaji semula untuk dikekalkan atau boleh diubah kepada konsep yang lebih baik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan satu konsep dalam sistem perundangan Islam yang lebih menekankan kepada unsur kemasyarakatan. Konsep ini bukan hanya sesuai kepada kesalahan ringan yang dihukum oleh mahkamah, tetapi juga sebagai denda kepada masyarakat setempat. Kajian ini adalah kajian kes yang mengumpulkan data menggunakan analisa kandungan iaitu buku, artikel dan jurnal-jurnal berkaitan. Selain itu, data dikumpulkan menggunakan kaedah temu bual separa struktur yang dijalankan kepada para Hakim Syarie di beberapa buah negeri di Malaysia. Manakala data kajian dianalisis menggunakan kaedah deskriptif dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa konsep khidmat masyarakat sesuai untuk diterapkan dalam sistem perundangan Islam di Malaysia. Kajian ini memberi implikasi kepada para penggubal dan pengamal</i></p>

	undang-undang untuk menjadikan hukuman lebih berkonsepkan kemasyarakatan.
	Kata kunci: <i>Khidmat, Masyarakat, Sistem, Perundangan, Islam.</i>

## PENGENALAN

Konsep hukuman dalam sistem perundangan di Malaysia abad ini lebih tertumpu kepada konsep pembalasan sesuatu perbuatan jahat seperti penjara, denda, sebat dan sebagainya. Walau bagaimanapun, kesan daripada hukuman tersebut tidak dapat membantu pesalah untuk berubah ke arah kebaikan. Konsep ini perlu dikaji semula untuk dikekalkan atau boleh diubah kepada konsep yang lebih baik. Justeru, kajian ini bertujuan untuk mencadangkan satu konsep yang lebih menekankan kepada unsur kemasyarakatan. Konsep ini bukan hanya sesuai kepada kesalahan ringan yang dihukum oleh mahkamah, tetapi juga sebagai denda kepada masyarakat setempat.

## KHIDMAT MASYARAKAT DALAM SISTEM PERUNDANGAN

Isu yang menjadi permasalahan dalam kajian ini adalah kesesuaian konsep khidmat masyarakat diterapkan dalam sistem perundangan di Malaysia. Oleh itu, definisi khidmat masyarakat perlu dikaji sama ada sesuai atau tidak untuk dilaksanakan dalam konteks masyarakat di Malaysia. Ini kerana terdapat pelbagai definisi yang dikemukakan oleh para sarjana berkaitan khidmat masyarakat. Menurut Carter et.al. (1987), khidmat masyarakat adalah satu perintah mahkamah yang mengarahkan pesalah melakukan kerja yang tidak berbayar dalam tempoh yang telah ditetapkan kepada organisasi masyarakat yang tidak mementingkan keuntungan. Perintah ini juga disebut sebagai kerja sukarela. Manakala pentakrifan khidmat masyarakat yang diberikan oleh Hurd & Miller (1981) pula ialah perkhidmatan tanpa bayaran oleh pesalah untuk tempoh tertentu kepada organisasi yang tidak mengutamakan keuntungan, kumpulan yang memerlukan dan individu tertentu.

Menurut Awang Armadajaya (2012), khidmat masyarakat yang dilaksanakan oleh Mahkamah Sivil di Malaysia adalah menggunakan konsep hukuman alternatif. Hukuman alternatif adalah satu perintah ke atas seorang pesalah untuk melakukan sesuatu, sama ada secara afirmitif atau peninggalan seperti yang diperuntukkan oleh undang-undang. Di dalam perundangan sivil, konsep hukuman alternatif bertitik tolak dari konsep memberi peluang kepada seseorang yang melakukan kesalahan kerana desakan keadaan, pengaruh kawan, kesilapan pertimbangan dan kekeliruan.

Seterusnya, menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (The Borneo Post, 2012), perintah khidmat masyarakat adalah kerja yang dilaksanakan tanpa bayaran bagi tempoh tidak melebihi 240 jam agregat pada masa dan tempat yang ditentukan oleh mahkamah dan diselia oleh kakitangan awam (JKM). Ini berdasarkan definisi perintah khidmat masyarakat yang dinyatakan dalam Kanun Tatacara Jenayah, Akta 593, Seksyen 293 (1) (e) (ii) seperti berikut:

*“dalam perenggan ini, ‘khidmat komuniti’ ertinya apa-apa kerja, perkhidmatan atau arahan untuk kebaikan masyarakat secara am dan termasuk, apa-apa kerja yang telah dijalankan yang melibatkan bayaran kepada pihak penjara atau pihak berkuasa tempatan”.*

Berdasarkan seksyen ini JKM boleh menghantar pesalah ke mana-mana institusi masyarakat untuk melakukan apa-apa kerja sebagai hukuman daripada kesalahan tersebut. Oleh itu, definisi dan bidang kuasa ini digunakan oleh JKM bagi melaksanakan perintah ini kepada pesalah muda (The Borneo Post, 2012). Berdasarkan seksyen ini juga, Peraturan Tetap Operasi dan Arahan Kerja Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda (Pindaan 2018) mendefinisikan perintah khidmat masyarakat sebagai perintah yang dikenakan ke atas pesalah muda.

Peruntukan ini memberikan takrifan yang umum berkaitan khidmat masyarakat. Oleh kerana definisi yang diberikan oleh para sarjana dan Akta 593 di Malaysia hanya memberikan takrifan secara umum, maka definisi khidmat masyarakat secara khusus boleh diberikan oleh individu dan badan tertentu berdasarkan pengetahuan dan amalan mereka. Ini kerana tiada istilah khusus yang tepat memberikan maksud khidmat masyarakat dalam undang-undang atau statut di Malaysia.

Seterusnya, menurut Jabatan Kebajikan Masyarakat (2019), perintah khidmat masyarakat merupakan hukuman alternatif kepada pemenjaraan. Hukuman ini bertujuan bagi memulihkan dan mencegah pesalah daripada mengulangi kesalahan jenayah serta mengintegrasikan mereka untuk kembali ke pangkuan masyarakat melalui tiga elemen iaitu hukuman, pemulihan dan penginsafan (Jabatan Kebajikan Masyarakat, 2019; Awang Armadajaya, 2012):

### **Hukuman**

Melalui konsep hukuman ini, pesalah akan merasa sedikit kesukaran sebagai peringatan walaupun tidak menjalani hukuman sebenar. Ini kerana perintah khidmat masyarakat perlu dilaksanakan dengan menyempurnakan tugas yang diarahkan dan ini mengambil masa lapang pesalah dan memberikan suatu tanggungjawab ke atas mereka untuk dilaksanakan. Walaupun ia bukan hukuman dalam erti sebenar, namun pelaksanaannya mengganggu masa lapang pesalah. Tambahan pula, hukuman yang diberikan bukan mengikut keselesaan dan keperluan pesalah tetapi mengikut pertimbangan para Hakim Syarie.

### **Penginsafan**

Melalui konsep penginsafan ini, pesalah akan diberikan ruang untuk menjalani sesi pemulihan akhlak dengan memberikan faedah yang nyata kepada masyarakat. Ini berdasarkan program yang diatur bertujuan untuk memberi keinsafan. Sebagai contoh, seorang yang didapati bersalah di bawah seksyen 42 Akta Pengangkutan Jalan 1987 diarahkan membuat kerja amal di Wad Ortopedik untuk memberi keinsafan tentang keadaan mereka yang mengalami kemalangan. Selain daripada dapat menginsafkan pesalah, masyarakat juga mendapat faedah dengan amal kebajikan yang dilakukan.

### **Pemulihan**

Konsep pemulihan ini dapat merangsang tanggungjawab sosial dan menjadikan program khidmat masyarakat sebagai suatu pengalaman berfaedah kepada pesalah muda. Ini kerana modul yang dipilih bertujuan untuk menimbulkan rasa tanggungjawab kepada diri dan masyarakat dan rasa hormat diri. Contohnya seperti bengkel interaktif yang diadakan untuk tujuan kaunseling kelompok terhadap pesalah. Bengkel seperti ini mampu memulihkan pesalah dari sudut dalaman dan luaran.

Walaupun definisi khidmat masyarakat yang ditakrifkan oleh para sarjana adalah berbeza, namun konsep asasnya adalah untuk masyarakat (Daleleer Kaur Randawar & Sheela Jayabalan, 2021). Menurut statistik JKM dari 2019 hingga 2021, bilangan kes yang telah dikenakan perintah khidmat masyarakat ialah 2,267 iaitu 780 kes pada 2019; 827 kes pada 2020 serta 660 kes pada 2021 (Astro Awani, 2022). Maka, boleh dikatakan bahawa konsep khidmat masyarakat adalah kemasyarakatan dan ia sesuai untuk diterapkan ke dalam sistem perundangan di Malaysia. Oleh kerana perbincangan adalah berkaitan dengan sistem perundangan, maka seterusnya akan dibincangkan pandangan para Hakim Syarie berkaitan konsep khidmat masyarakat.

## **KHIDMAT MASYARAKAT MENURUT HAKIM SYARIE DI MALAYSIA**

Terdapat pelbagai pendapat dan pandangan yang dikemukakan oleh para Hakim Syarie apabila membincangkan tentang konsep khidmat masyarakat. Antara topik perbincangan berkaitan konsep ini adalah dari sudut takrif atau definisi khidmat masyarakat dan kesesuaian khidmat masyarakat diterapkan dalam sistem perundangan di Malaysia.

### **Definisi Khidmat Masyarakat**

Perbincangan berhubung definisi atau takrif adalah berbeza menurut pendapat masing-masing. Tambahan pula, definisi yang dibincangkan adalah sesuatu yang jarang didengar dan digunakan. Takrif khidmat masyarakat yang diberikan oleh responden kajian adalah mengikut pengetahuan dan pengamalan mereka. Terdapat responden yang mendefinisikan khidmat masyarakat sebagai satu perbuatan atau pekerjaan yang dibuat untuk kepentingan atau masalah masyarakat. Responden kajian menyebut:

R4: "...itu satu aktiviti, bentuk yang dibuat untuk kepentingan masyarakat, bukan individu..."

R9: "...Kalau lah macam khidmat masyarakat ni, sama ada dia bantu di rumah anak-anak yatim, atau pun membersihkan masjid, atau pun bantu, kalau dia ada kepandaian atau kelebihan untuk mengajar di mana-mana. Atau pun arahan untuk mendengar ceramah-ceramah..."

Manakala pengamalan di Barat pula telah menghasilkan pelbagai definisi sebagaimana yang dikemukakan oleh pengkaji Barat yang pernah membuat kajian berkaitan perintah khidmat masyarakat. Ia merupakan satu perintah mahkamah supaya pesalah melakukan kerja atau perkhidmatan untuk satu tempoh masa kepada sesebuah organisasi yang tidak mementingkan keuntungan (Carter R.M. et al., 1987). Kerja atau perkhidmatan yang dilakukan ini mestilah disempurnakan mengikut tempoh yang ditetapkan (Hudson J. et al., 1990). Jika tidak, ia akan dikira sebagai pelanggaran perintah dan kemungkinan satu hukuman lain akan dijatuhkan mengikut penilaian hakim yang mengadili sesuatu kes.

Berdasarkan definisi yang telah dikemukakan, dapat disimpulkan bahawa perintah khidmat masyarakat merupakan satu perintah mahkamah untuk melakukan apa-apa aktiviti untuk kepentingan masyarakat bagi tempoh tertentu kepada organisasi tertentu. Perintah ini boleh dilaksanakan di Mahkamah Syariah menurut budi bicara Hakim Syarie dengan mempertimbangkan beberapa faktor tertentu. Definisi perintah khidmat masyarakat tidak dijelaskan dengan terperinci dan boleh ditakrifkan oleh sesiapa sahaja. Dalam konteks Mahkamah Syariah, definisi ini boleh diberikan oleh para Hakim Syarie. Walau bagaimanapun, tiada takrifan yang khusus dan jelas diberikan bagi perintah khidmat masyarakat. Maka, takrifan perintah ini perlu dinyatakan dalam peruntukan undang-undang jenayah syariah supaya dapat menjadi panduan kepada para Hakim Syarie bagi mengenakan perintah ini.

### **Amalan Hukuman Berbentuk Khidmat Masyarakat Untuk Memberi Kesedaran Dan Keinsafan**

Khidmat masyarakat adalah sesuatu perbuatan atau kerja yang boleh dilakukan oleh seseorang individu untuk masyarakat. Maka, konsep ini sesuai untuk diterapkan ke dalam sistem perundangan di Malaysia sebagai hukuman atau denda kepada pesalah kesalahan ringan. Ini kerana khidmat masyarakat boleh memberi keinsafan dan kesedaran kepada pesalah tersebut. Sesetengah pesalah lebih mudah menerima hukuman secara lembut dan berhemah seperti hukuman berbentuk kerohanian. Penerapan nilai-nilai yang baik melalui hukuman seperti ini mampu menginsafkan pesalah dan membentuk akhlak peribadi pesalah. Perkara ini dinyatakan oleh beberapa responden berikut:

R1: "...mungkin dalam jadual modul dia tu, dia kena hadir kuliah Maghrib, jadi sambil-sambil itu, makna dia menerap dalam diri dia la. Kalau dia ikhlas la. Lepas tu, dia nak berubah. Ada kemungkinan dia insaf..."

R4: "...Khidmat masyarakat ni more kepada apa? Pembentukan akhlak, kesedaran..."

R6: "...Tapi kalau Mahkamah Syariah, tentu dari sudut pendekatan agama lah dalam khidmat masyarakat itu sendiri. Jadi, dia akan menimbulkan kesedaran kepada pihak-pihak..."

R7: "...Jadi, benda yang macam ni, menyebabkan dia lebih insaf dan sedar. Sebenarnya hukuman pada dia tu, dah awal dah diterima. Jadi, ada kemungkinan, benda ni bersesuaian... Dan diorang ni, kalau kita menyantuni diorang secara lembut, mungkin dia ada kesedaran lagi, kan..."

R8: "...dia ni ada mak ayah, contoh. Pergi ke tempat-tempat, dia tengok kawan-kawan yang tak ada ibu bapa ni. Jadi, mungkin akan memberi kesedaran kepada dia..."

R10: "...Khidmat masyarakat tu, maksudnya, kurang-kurangnya, konsep dia untuk nak bagi kesedaran kepada pihak yang bersalah tu, kan..."

Selain itu, hukuman ini menyebabkan pesalah menyedari bahawa dirinya masih mempunyai peluang untuk berubah ke arah yang lebih baik. Pelaksanaan hukuman ini juga memberi tanggapan positif dalam diri pesalah untuk menjalani kehidupan dengan rasa yakin (Nissen L. B., 2007). Ini kerana hukuman bersifat kemasyarakatan memberi ruang kepada pesalah untuk bergaul dan berinteraksi dengan masyarakat secara terkawal (Noor Huda Roslan, 2013). Tambahan pula, apabila masyarakat boleh menerima perkhidmatan yang dilakukan dalam keadaan tersebut, pesalah akan lebih mudah untuk sedar dan insaf. Pesalah juga akan sedar bahawa mereka mampu untuk menyumbang kepada masyarakat (Lo T. W. & Harris R. J., 2004). Dapatan kajian ini disokong oleh responden berikut:

R4: "...benda-benda macam ni, dia perlu satu bentuk khidmat masyarakat yang luas supaya dia sedar apa keperluan masyarakat sebenarnya. Bagaimana nak jadi anggota, ahli masyarakat..."

R9: "...Pertamanya, kemungkinan bila orang salah, diarahkan membuat benda-benda yang semacam tu. So, kadang-kadang mendatangkan keinsafan..."

R10: "...Khidmat masyarakat ni, dia boleh tengok, dia boleh bergaul, masyarakat boleh terima dia dalam keadaan baik. Walaupun dia salah, tapi dia khidmat masyarakat, orang boleh terima dia..."

Ini bertepatan dengan hasil daripada program kemasyarakatan yang pernah dilaksanakan oleh negara Barat. Program tersebut menyediakan persekitaran untuk pembinaan kesedaran bermasyarakat dalam diri pesalah (Smith P. & Smith W. A., 2005). Kajian mendapati, pesalah sedar bahawa manusia memerlukan antara satu sama lain dalam kehidupan setelah menjalani program tersebut. Dengan ini, mereka merasakan bahawa masyarakat masih memerlukan mereka. Seterusnya, kesedaran akan timbul dalam diri pesalah untuk berubah ke arah kebaikan (Abdullah S., 2022).

Manakala kesan kepada masyarakat juga mampu menginsafkan mereka apabila hukuman ini diketahui ramai. Apabila masyarakat melihat pelaksanaan hukuman ini, mereka akan merasa malu dan tidak mahu melakukan kesalahan yang dikenakan hukuman sedemikian. Ini disebabkan hukuman tersebut mungkin memalukan sesetengah orang walaupun tujuan penghukuman bukan ke arah meninggalkan kesan yang memalukan pesalah (Majid, 2010). Namun, ia tetap memalukan orang tertentu yang kebiasaannya tidak pernah melakukan aktiviti kemasyarakatan seperti itu. Hal ini dijelaskan oleh responden berikut:

R9: "...Kesan kepada masyarakat, menginsafkan masyarakat. Aku tak mahu la jadi macam ni. Malu kat orang. Orang tau semua. Semua orang tau. Jadi, saya rasa orang yang melakukan kesalahan insaf, orang yang tengok pun insaf, dan saya rasa, orang akan sokong..."

R10: "...Masyarakat ni, mungkin dia lebih insaf la. Masyarakat pun akan tengok la, kan. Ini rupanya, pesalah, kes jenayah ni...Mungkin kalau dia penjara, tak tau dia masuk penjara, orang tak tau, kan. Orang tak heboh..."

R10: "...pasal manusia ni, dia bila tengok tu, perasaan manusia ni, dengan hadapan orang ramai ni, masuk pula berita akhbar semua, dia rasa lebih malu dan lebih mudah dia nak kembali insaf. Penting tu la, cara dakwah kita ni. Cara kita supaya dia lebih insaf..."

Seterusnya, berdasarkan pengamalan semasa, pernah berlaku hukuman perintah khidmat masyarakat yang melibatkan Mahkamah Syariah di Malaysia iaitu di negeri Pahang. Tetapi hukuman tersebut tidak dikira sebagai perintah mahkamah. Ini kerana hukuman tersebut merupakan perintah daripada Tuanku Raja Pahang yang memutuskan pesalah wanita tersebut dikenakan perintah khidmat masyarakat. Namun, kesan pelaksanaan hukuman tersebut dilihat mendatangkan keinsafan kepada pesalah tersebut. Perkara ini diakui oleh responden berikut:

R10: "...memang pesalah tu, dia rasa insaf. Baik, cukup baik la kan. Pengalaman dari situ la, kan. Memang kesan dia, cukup baik. Dia rasa insaf, mungkin duduk dalam penjara, mungkin dia tak insaf, kan. Bercampur gaul dengan orang yang sama-sama dia..."

Pandangan para Hakim Syarie ini jelas menunjukkan bahawa konsep khidmat masyarakat ini adalah berkonsepkan kemasyarakatan. Ini kerana pesalah bukan hanya mendapat kesedaran dan keinsafan tetapi juga dapat memberi kesedaran dan keinsafan kepada masyarakat yang melihat hukuman ini dilaksanakan.

## **KESIMPULAN**

Berdasarkan hasil kajian ini, konsep khidmat masyarakat yang memfokuskan kepada aktiviti kemasyarakatan dilihat wajar diterapkan dalam sistem perundangan Islam di Malaysia. Konsep ini sesuai dengan masyarakat dan keadaan di Malaysia kerana dapat menimbulkan kesedaran dan keinsafan kepada pesalah dan masyarakat. Walau bagaimanapun, hukuman yang berkonsepkan kemasyarakatan ini hanya sesuai dikenakan kepada pesalah jenayah ringan sahaja. Manakala bagi kesalahan jenayah berat dan merbahaya perlu dikekalkan dengan hukuman pemenjaraan, sebat atau denda.

## **RUJUKAN**

### **Buku**

- Abdullah, S. 2022. *The role of tawba (Repentance) in social work with Muslim clients. In Exploring Islamic Social Work: Between Community and the Common Good*. Cham: Springer International Publishing.
- Abu Rukhiyyah, Majid. 2010. *al-Wajiz fi Ahkam al-Hudud wa al-Qisas wa al-Takzir*. Jordan: Dar al-Nafais.

### **Jurnal**

- Carter, R.M., Cocks, J. & Glaser, D. 1987. *Community service: a review of the basic issues*. Federal Probation, 51: 4-10.

- Daleeer Kaur Randawar & Sheela Jayabalan. 2021. *Community Service as an Alternative Form of Punishment under the Domestic Violence Act 1994 in Malaysia*. Turkish Journal of Computer and Mathematics Education, 12(3): 1147-1155.
- Hudson, J. & Galaway, B. 1990. *Community service: toward program definition*. Federal Probation, 54: 3-9.
- Hurd, J.L. & Miller, K.D. 1981. *Community service: what, why, and how*. Federal Probation, 45: 39-41.
- Lo, T. W. & Harris, R. J. 2004. *Community service orders in Hong Kong, England, and Wales: twins or cousins*. International Journal of Offender Therapy and Comparative Criminology, 48(3): 373-388.
- Nissen, L. B. 2007. *Reclaiming futures : communities helping teens overcome drugs, alcohol and crime: a new practice framework for juvenile justice*. Journal of Psychoactive Drugs, 39(1): 51-58.
- Smith, P. & Smith, W. A. 2005. *Experiencing community through the eyes of young female offenders*. Journal of Contemporary Criminal Justice, 21(4): 364-385.

### **Seminar**

- Awang Armadajaya Awang Mahmud. 2013. *Hukuman alternatif: satu perbandingan di antara Mahkamah Sivil dan Syariah*. Kertas kerja Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Tahun 1434H / 2013M. Anjuran Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Seremban, Negeri Sembilan, 6 Mac.
- Noor Huda Roslan. 2013. *Hukuman alternatif: dari perspektif syarak dan undang-undang jenayah syariah di Malaysia*. Kertas kerja Konvensyen Perundangan Jenayah Syariah Tahun 1434H/2013M. Anjuran Bahagian Pendakwaan, Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan. Seremban, Negeri Sembilan, 6 Mac.

### **Akta**

- Kanun Tatacara Jenayah (Akta 593).
- Peraturan Tetap Operasi dan Arahan Kerja Perintah Khidmat Masyarakat Pesalah Muda (Pindaan 2018).

### **Temu Bual**

- Tuan Abdul Ghani Kiefli. Ketua Pendaftar Jabatan Kehakiman Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 10 Oktober 2012.
- Yang Arif Tuan Amran Mat Zain. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. 10 Oktober 2012.
- Yang Arif Tuan Mohd Khaldun Mohd Sharif. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, Johor. 7 November 2012.
- Yang Arif Tuan Mohd Yusof Abd. Ghani. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Raub, Pahang. 3 Disember 2012.
- Yang Arif Tuan Sharifuddin Abdul Rahman. Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Johor Bahru, Johor. 7 November 2012.
- Yang Arif Tuan Sheikh Abd. Rahman Abdullah. (B.c.k). Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kedah. 26 Januari 2013.
- Yang Arif Tuan Sheikh Mohd Roze Abdul Wahab. (B.c.k, A.m.k). Hakim Mahkamah Tinggi Syariah Alor Setar, Kedah. 26 Januari 2013.

### **Laman Sesawang**

- Astro Awani. 2022. <https://www.astroawani.com/berita-malaysia/perintah-khidmat-masyarakat-diperkasa-melalui-program-ilmu-dan-bakti-jkm-373823> (diakses pada 4 September 2023).
- Jabatan Kebajikan Masyarakat. 2019. <https://www.jkm.gov.my/jkm/index.php?r=portal/left&id=ekc5a1dLWWpmRWF TQW1VVmI5ZkxVQT09> (diakses pada 4 September 2023).

The Borneo Post. 2012. <http://www.theborneopost.com/2012/07/05/pesalah-muda-perlu-dipulih-dengan-cara-berbeza-fatimah/> (diakses pada 9 September 2023).

**Penafian**

*Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.*